

28/10/1997

Mindanao mahu rasakan arus kemajuan Sabah

KOTA KINABALU, Isnin - Gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao (ARMM), Nur Misuari berharap wilayahnya mendapat faedah daripada pembangunan ekonomi yang sedang dan akan dilaksanakan di Sabah.

Sambil memetik kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang sering menegaskan pembangunan ekonomi di Malaysia sebenarnya bertujuan membantu pertumbuhan mapan rantau ini, Misuari berharap wilayah Mindanao juga tidak terkecuali daripada arus itu.

Beliau berkata, sejak Barisan Pembebasan Rakyat Moro (MNLF) menandatangani perjanjian damai dengan kerajaan Filipina pada 2 September tahun lalu, suasana harmoni dan aman dirasai di wilayah itu yang memungkinkan pembinaan ekonominya melalui pelaburan asing.

"Tiada lagi peperangan di Mindanao. Cuma yang ada ialah peperangan melawan kemiskinan, gejala sosial serta usaha membangunkan ekonomi wilayah ini.

"Saya berharap usaha membangunkan ekonomi di Mindanao dapat berjalan seiring dengan pencapaian Sabah," katanya berucap di Seminar Sabah Baru: Melangkah Ke Era Transformasi di sini, hari ini.

Misuari berada di negeri ini sempena lawatan rasmi empat hari yang bermula Jumaat lalu, dan menjadi tetamu kehormat seminar itu.

Seminar dua hari, berakhir esok anjuran Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (Sedco), Institut Kajian Pembangunan Sabah (IDS) dan First Bolton Sdn Bhd dihadiri 220 peserta dan dirasmikan Ketua Menteri, Datuk Yong Teck Lee.

Misuari yang juga pemimpin Majlis Keamanan dan Pembangunan Selatan Filipina (SPCPD) berkata, kerjasama perdagangan dua hala yang sudah dijalankan antara Mindanao dan Sabah, boleh dipertingkatkan melalui usaha mempromosi kemudahan pelaburan.

(END)